



APPGM-SDG



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026

MEMPERKASAKAN KESAMPAIAN PERLINDUNGAN SOSIAL INKLUSIF BAGI KUMPULAN RENTAN DI SABAH



**Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026**

**Memperkasakan Kesempaan
Perlindungan Sosial Inklusif
bagi Kumpulan Rentan di
Sabah**

Jabatan Advokasi Dasar APPGM-SDG

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.



Penulis : Dr. Jain Yassin
Editor : Dr. Teo Sue Ann

Senarai Kehadiran

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
1	Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah
2	Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat Negeri Sabah
3	Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
4	Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Negeri Sabah
5	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah
6	Yayasan Sabah
7	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah
8	Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah
9	Kementerian Pembangunan, Perindustrian dan Keusahawanan Negeri Sabah
10	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Sabah

AHLI PARLIMEN		
Bil.	Nama	Kawasan Parlimen
1	YB Datuk Jonathan bin Yasin	P179 Ranau

MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE DAN LAIN-LAIN	
Bil.	Nama
1	ANAK
2	Universiti Malaysia Sabah

Kolaborasi bersama:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Sabah



INSTITUTE
FOR DEVELOPMENT STUDIES
(SABAH) 198601003089 (152242 - V)

Isi Kandungan

Ringkasan Eksekutif	I
Sorotan Cadangan	III
Infografik	V
Pengenalan	1
Cabaran Kebajikan dan Kerentanan Sosioekonomi di Sabah	4
Isu Jaring Keselamatan Kewangan	4
Isu Kesampaian dan Inklusiviti Perlindungan Sosial di Sabah	6
Objektif Laporan Dasar	10
Penilaian Terhadap Dasar Semasa	11
Dapatan Utama: Maklum Balas Agensi Kerajaan Dan Ahli-Ahli Parlimen	18
Cabaran Geografi dalam Penyampaian Kebajikan di Sabah dan Sarawak	18
Cabaran Sosioekonomi dan Kewarganegaraan dalam Perlindungan Sosial di Sabah	20
Struktur Caruman Tetap dan Penyertaan Sektor Informal	22
Tahap Literasi Sosial dan Kesedaran yang Rendah	22
Keperluan kepada Sistem Data Bersepadu	23
Cadangan Dasar	24
Kesimpulan	34
Bibliografi	36

Ringkasan Eksekutif

Laporan dasar ini menilai tahap keberkesanan dan kesampaian sistem perlindungan sosial di Sabah dengan memberi tumpuan kepada kumpulan rentan, termasuk penduduk luar bandar, pekerja sektor tidak formal, wanita, warga emas, OKU serta komuniti tanpa dokumentasi. Dapatan utama menunjukkan bahawa walaupun pelbagai skim kebajikan telah diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pelaksanaannya masih belum sepenuhnya inklusif dan belum disesuaikan dengan realiti sosioekonomi serta cabaran geografi unik di Sabah.

Sabah kekal sebagai negeri dengan kadar kemiskinan mutlak dan kemiskinan tegar tertinggi di Malaysia, khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar. Majoriti isi rumah miskin bergantung kepada sektor tidak formal dengan pendapatan yang tidak menentu serta tanpa perlindungan sosial formal, menjadikan mereka sangat terdedah kepada kejutan ekonomi, krisis kesihatan dan bencana alam. Ketiadaan simpanan dan jaringan keselamatan kewangan terus memperkukuh kitaran kemiskinan dalam kalangan kumpulan ini, selaras dengan cabaran yang digariskan di bawah SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan).

Penilaian terhadap dasar sedia ada serta dapatan perbincangan bersama agensi kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen mengenal pasti beberapa cabaran utama, antaranya kekangan geografi dalam penyampaian kebajikan,

struktur caruman perlindungan sosial yang tidak fleksibel bagi sektor tidak formal, tahap literasi sosial yang rendah, kelemahan sistem data bersepadu, serta isu dokumentasi dan kewarganegaraan. Pendekatan dasar yang bersifat seragam (*one-size-fits-all*) turut didapati kurang sesuai dengan konteks Sabah yang mempunyai ciri demografi, ekonomi dan sosial yang berbeza berbanding negeri lain.

Sehubungan itu, laporan ini mencadangkan pelan tindakan berperingkat merangkumi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memperkukuh sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif dan mampan di Sabah. Cadangan ini menekankan keperluan penyesuaian dasar mengikut konteks tempatan, pengukuhan jaringan keselamatan sosial untuk sektor tidak formal, serta penambahbaikan tadbir urus dan penyelarasan data, selari dengan SDG 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan), SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 16 (Institusi Kukuh) dan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat).

Sorotan Cadangan

Laporan ini mengemukakan pelan tindakan berperingkat untuk memperkukuh perlindungan sosial yang lebih inklusif dan mampan di Sabah. Cadangan jangka masa pendek menumpukan kepada langkah-langkah yang bersifat tindakan segera dan pengukuhan asas.

- i. Memperluas kempen kesedaran dan pendaftaran perlindungan sosial secara turun padang di kawasan luar bandar dan pedalaman (SDG 1: Tiada Kemiskinan; SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan).
- ii. Menubuhkan Meja Bantuan Sosial Fokus Kes di peringkat daerah bagi menangani kes luar kebiasaan (SDG 1; SDG 16: Institusi Kukuh).
- iii. Memperkukuh peranan pengantara komuniti (Sahabat Komuniti) bagi mengurangkan keciciran bantuan (SDG 10; SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat).

Bagi tumpuan kepada jangka masa panjang, pelan tindakan menumpukan kepada pembinaan sistem perlindungan sosial yang komprehensif, berdaya tahan, dan lestari, yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan sosio-ekonomi serta cabaran masa depan. Langkah-langkah utama termasuk:

Jangka Masa Sederhana

- Memperkenalkan struktur caruman perlindungan sosial yang lebih fleksibel bagi sektor tidak formal (**SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi; SDG 1**).
- Melaksanakan Skim Caruman Sosial Penerima Bantuan (SCSPB) bagi mengintegrasikan bantuan dan caruman perlindungan sosial (**SDG 1; SDG 10**).
- Membangunkan sistem data bersepadu melalui Dashboard Negeri Sabah (**SDG 16; SDG 17**).

Jangka Masa Panjang

- Menubuhkan Dana Perlindungan Sosial Negeri Sabah yang mampan (**SDG 1; SDG 16**).
- Menginstitusikan dasar perlindungan sosial peringkat negeri yang lebih kontekstual dan berasaskan daerah (**SDG 10; SDG 16**).

Memperkasakan Kesempaan Perlindungan Sosial Inklusif Bagi Kumpulan Rentan di Sabah



KONTEKS



Ramai penduduk miskin luar bandar Sabah kerja tidak formal (31.6% – DOSM)



Pendapatan tidak stabil, tiada perlindungan sosial terutama simpanan



Terdedah kepada kejutan ekonomi



CABARAN UTAMA



Pekerja tidak tetap, bermusim & bukan warganegara mempunyai akses terhad (perlindungan sosial)



Tiada caruman fleksibel menyukarkan penyertaan pekerja tidak formal



Literasi dan kesedaran kewangan masih rendah



Data penerima bantuan tidak bersepadu antara agensi



CADANGAN

Jangka Pendek



Meja Bantuan Sosial Fokus Kes di setiap daerah ditubuh

Jangka Sederhana



Caruman automatik sebahagian bantuan ke skim keselamatan sosial



Penyepaduan data bantuan melalui Dashboard Negeri Sabah

Jangka Panjang



Menubuhkan Dana Perlindungan Sosial Negeri Sabah yang mampan

Memperkasakan Kesempaan Perlindungan Sosial Inklusif bagi Kumpulan Rentan di Sabah


PENGENALAN

Impak sosioekonomi akibat pandemik COVID-19 telah mendedahkan bahawa tahap perlindungan sosial di Malaysia masih berada pada paras minimum berbanding negara berpendapatan tinggi dan negara berpendapatan sederhana tinggi. Krisis kesihatan awam ini telah mengakibatkan peningkatan ketara dalam kadar pengangguran, kemiskinan serta ketidaktentuan ekonomi, khususnya dalam kalangan kumpulan rentan seperti pekerja sektor informal, wanita dan komuniti luar bandar.

Wilayah Sabah merupakan antara negeri yang paling terdedah kepada ketidakstabilan ekonomi di Malaysia. Salah satu indikator utama yang mencerminkan tahap kerentanan ini ialah kadar kemiskinan tegar yang masih tinggi, iaitu sebanyak 1.2%, berbanding kadar kebangsaan sebanyak 0.2%¹. Selain itu, kadar kemiskinan mutlak di Sabah kekal sebagai yang tertinggi di negara ini. Walaupun mencatat penurunan daripada 19.7% kepada 17.7% pada tahun 2024, angka tersebut masih jauh melebihi purata nasional.

¹ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-miskin-tegar-di-sabah-enam-kali-ganda-berbanding-nasional-tongod-daerah-termiskin-462319>


Rajah 1 Insiden Kemiskinan Mutlak Mengikut Negeri (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2025)

Isu kemiskinan mutlak adalah lebih ketara di daerah luar bandar, khususnya di kawasan pedalaman seperti Tongod, Nabawan, Beluran, Pitas, dan Kalabakan, yang mempunyai akses terhad kepada peluang ekonomi. Berdasarkan data statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar insiden kemiskinan di kawasan pedalaman melebihi 30%, dengan beberapa daerah mencatat kadar yang amat tinggi, antaranya 41.5 % di Tongod dan 50% di Pitas.

Rajah 2. Taburan Insiden Kemiskinan Mutlak (%) Mengikut Daerah di Sabah



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2025)

Majoriti isi rumah yang hidup dalam kemiskinan tertumpu di kawasan luar bandar bergantung kepada pekerjaan dalam sektor tidak formal, seperti nelayan tradisional, petani kecil, penjaja, buruh harian serta pengusaha mikro yang tidak berdaftar. Sektor pekerjaan ini bukan sahaja dicirikan oleh pendapatan tidak menentu, malah turut tidak menyediakan perlindungan sosial formal seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Keadaan ini menjadikan komuniti luar bandar di Sabah, khususnya kumpulan rentan, amat terdedah apabila berdepan dengan kejutan sosioekonomi seperti bencana alam, krisis kesihatan awam (contohnya pandemik COVID-19), peningkatan kos sara hidup dan inflasi makanan, serta kemerosotan pasaran pekerjaan.

Situasi ini sekali gus menekankan keperluan kepada sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif, inklusif, dan responsif di Sabah, bagi memastikan bantuan sosial, sokongan kecemasan, dan jaminan keselamatan hidup dapat disalurkan secara berkesan kepada golongan yang paling memerlukannya.

CABARAN KEBAJIKAN DAN KERENTANAN SOSIOEKONOMI DI SABAH

Isu Jaring Keselamatan Kewangan

Walaupun pelbagai bentuk bantuan kewangan telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pendekatan sedia ada masih bersifat jangka masa pendek dan lebih tertumpu kepada peringanan kos sara hidup, tanpa disokong secara menyeluruh oleh mekanisme pembinaan daya tahan ekonomi isi rumah.

Ketiadaan simpanan dalam kalangan penduduk Sabah merupakan sebahagian daripada isu kesejahteraan kewangan yang lebih meluas di peringkat nasional. Di Malaysia, dianggarkan kira-kira 84% rakyat tidak mempunyai simpanan tetap bulanan², sekali gus mendedahkan isi rumah kepada risiko kewangan yang tinggi apabila berhadapan kejutan ekonomi. Walaupun tiada statistik khusus berkenaan tahap simpanan di Sabah, kadar kemiskinan tegar di negeri ini yang enam kali ganda lebih tinggi berbanding kadar nasional. Ini menjelaskan mencerminkan tahap kerentanan kewangan yang serius.

² <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan-bulanan>

Isu ini turut disokong oleh dapatan kualitatif hasil pemetaan isu oleh APPGM-SDG, seperti yang dinyatakan oleh seorang informan daripada komuniti nelayan di Parlimen Kudat:

"Nelayan kecil-kecil saja, mendayung-dayung. kalau dikira dari segi ekonomi memang tidak stabil..mana ada simpanan" **Nelayan, Kg Kadingah Pitas, Parlimen Kudat (Pemetaan isu Kudat, 2023, APPGM-SDG)**

Petikan ini menggambarkan realiti ketidakstabilan pendapatan dan ketiadaan kapasiti untuk menabung dalam kalangan nelayan kecil, sekali gus menjelaskan sebab kejutan kewangan yang kecil sekalipun boleh memberi kesan besar kepada kesejahteraan isi rumah.

Keterbatasan jaring keselamatan kewangan ini turut memberi implikasi langsung kepada akses kepada perkhidmatan asas, khususnya perkhidmatan kesihatan, seperti yang dinyatakan oleh seorang lagi informan:

"Disebabkan duit tidak cukup (simpanan) sampai dorang tidak datanglah ke hospital sebab kosnya tambang sini kosnya tambang pergi 10 ringgit pergi balik 20 ringgit" **Penduduk Kampung, Kampung Mentelitip, Parlimen Semporna (Pemetaan isu Semporna, 2025, APPGM-SDG)**

Kenyataan ini menunjukkan bahawa ketiadaan simpanan secara langsung menghadkan keupayaan komuniti rentan untuk mendapatkan perkhidmatan asas, sekali gus menambah risiko kemiskinan berterusan.

Kesukaran untuk memiliki perlindungan kewangan adalah lebih ketara di kawasan pedalaman yang bergantung kepada sektor pertanian, di mana sumber pendapatan bersifat bermusim dan sangat terdedah kepada gangguan luaran seperti bencana alam, krisis kesihatan awam dan turun naik pasaran. Keadaan ini digambarkan melalui kenyataan oleh seorang penoreh getah di Kampung Pinangkau, Parlimen Beluran:

“...Kadang kalau menoreh getah ni kalau hujan sudah tidak ada pendapatan dalam sehari itu sudah tiada kosong langsung tiada pendapatan itu jadi kita bayangkan saja la kalau sampai berminggu-minggu hujan itu kan langsung tidak ada” **Penduduk Kampung, Kampung Pinangkau, Parlimen Beluran (Pemetaan isu Beluran, 2025, APPGM-SDG)**

Petikan ini mencerminkan realiti ketidakstabilan pendapatan yang lazimnya dihadapi oleh pekebun kecil di kawasan pedalaman. Ia menunjukkan kerapuhan keupayaan isi rumah membina simpanan dan mengekalkan keselamatan kewangan jangka masa panjang.

Isu Kesempaan dan Inklusiviti Perlindungan Sosial di Sabah

Walaupun pelbagai bentuk perlindungan sosial dan sokongan ekonomi telah diperkenalkan oleh kerajaan, isu kesempaan dan inklusiviti masih kekal sebagai cabaran utama, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar, pedalaman serta kelompok bukan warganegara di Sabah. Berdasarkan dapatan kajian lapangan APPGM-SDG, ketidaksempaan bantuan sosial dan ekonomi, bersama-

sama tahap kerapuhan ekonomi yang tinggi dalam kalangan golongan rentan, dikenal pasti sebagai isu paling ketara.

Cabaran ini menjadi lebih serius di kawasan luar bandar dan pulau-pulau kecil yang berhadapan kekangan pelbagai dimensi, termasuk akses terhadap maklumat, kelemahan infrastruktur asas serta jurang digital yang ketara. Akibatnya, masih terdapat sebilangan isi rumah yang tidak tersenarai dalam sistem data rasmi kerajaan. Ini menyebabkan mereka tercicir daripada penerimaan bantuan kebajikan.

Situasi ini turut digambarkan melalui pengalaman seorang ibu tunggal semasa memohon bantuan sosial, seperti yang dikongsikan berikut:

*"... yang pasal ibu bah.....sebab saya ibu tunggal.....pernah mohon (bantuan) tapi tidak lulus... tanggungan dua orang, sekali saya pergi cek (semak), tidak lulus, saya kata kenapa tidak lulus, tiada tanggungan dia bilang" **Ibu tunggal, Petani nenas, Parlimen Kota Marudu (Pemetaan isu Kota Marudu, 2024, APPGM- SDG)***

Kenyataan ini menunjukkan wujudnya jurang ketara antara realiti kehidupan komuniti rentan dan mekanisme penilaian bantuan sedia ada, yang berpotensi mengecualikan isi rumah yang benar-benar memerlukan sokongan.

Terdapat juga inisiatif seperti Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang diperkenalkan oleh PERKESO bagi

menyediakan perlindungan sosial kepada golongan suri rumah di Sabah. Walau bagaimanapun, kekangan dari segi jumlah peruntukan yang terhad, di samping tahap kesedaran yang masih rendah, telah menyebabkan skim ini belum dimanfaatkan secara menyeluruh, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar dan pedalaman yang berdepan keterbatasan akses maklumat serta tahap literasi perlindungan sosial yang rendah.

Selain itu, golongan bukan warganegara dan individu yang mempunyai isu dokumentasi sering terpinggir daripada pelaksanaan program sedia ada berikutan pendekatan dasar yang kurang mengambil kira kerencaman latar belakang serta keperluan tempatan. Keadaan ini menjejaskan matlamat keadilan sosial dan menuntut suatu pendekatan dasar yang lebih responsif, menyeluruh dan berasaskan komuniti.

Dapatan lapangan turut menunjukkan bahawa kekurangan kefahaman berkaitan pengurusan dokumentasi menjadi antara faktor utama ketidaksampaian bantuan, seperti yang dinyatakan oleh seorang penduduk Kampung Gana, Kota Marudu:

“kadang-kadang ada ibubapa yang tidak tahu berurusan dengan dokumen- dokumen anak bah jadi seolah-olah dorang mau tunggu ada agensi yang mau apa dorang membantu untuk mengurus ini... jadi sekarang ini kebanyakan lah dalam urusanlah dorang yang surat beranak lewat lah” **Penduduk Kampung, Penduduk Kg**

Gana, Kota Marudu (Pemetaan isu Kota Marudu, 2024, APPGM-SDG).

Isu dokumentasi ini turut memberi kesan langsung kepada akses pendidikan, seperti yang dinyatakan oleh informan yang sama:

“kalau macam ada bantuan-bantuan sekolah tu kan memang tercicir lah tu budak sebab dia tiada dokumen”

Penduduk Kampung, Penduduk Kg Gana, Kota Marudu (Pemetaan isu Kota Marudu, 2024, APPGM-SDG)

Berdasarkan perbincangan bersama agensi kerajaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didapati berdepan keterbatasan keupayaan dalam menangani isu yang melibatkan komuniti di kawasan jarak jauh, terutamanya kes-kes ketiadaan dokumen pengenalan diri, khususnya dalam konteks kawasan luar bandar dan pedalaman. Pelaksanaan usaha ini juga berdepan pelbagai cabaran, khususnya melibatkan komuniti pedalaman yang hidup dalam kesempitan ekonomi, mempunyai akses perhubungan terhad, serta menetap jauh dari pusat perkhidmatan kerajaan.

Tambahan lagi, bagi tempoh 2020 hingga 2024, jumlah penduduk bukan warganegara di Sabah telah meningkat daripada 810,400 orang kepada 1,043,400 orang, mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 28.76%. Peningkatan ini merangkumi pekerja asing, individu tanpa dokumen serta pendatang tanpa izin.

Kadar pertumbuhan ini adalah jauh lebih tinggi berbanding pertumbuhan penduduk warganegara, yang hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 3.47% dalam tempoh yang sama. Situasi ini menunjukkan pertambahan penduduk asing yang signifikan, sekali gus menimbulkan cabaran besar kepada perancangan sosioekonomi negeri. Dalam masa yang sama, kelompok ini juga lazimnya berhadapan keterbatasan akses kepada perkhidmatan awam dan perlindungan sosial, yang seterusnya memberi implikasi kepada kesejahteraan sosial dan kestabilan setempat.

Jadual 1. Anggaran Struktur Penduduk Sabah Mengikut Status Kewarganegaraan, 2020-2024

TAHUN / KATEGORI	JUMLAH PENDUDUK	WARGA- NEGARA	BUKAN WARGA- NEGARA
2020	3,418,400	2,608,300	810,400
2023	3,596,700	2,675,700	921,100
2024	3,742,200	2,698,800	1,043,400
Pertambahan dalam tempoh 2020–2024	323,800 (9.47%)	90,500 (3.47%)	233,000 (28.76%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2025)

OBJEKTIF LAPORAN DASAR

Sejajar dengan visi “*Leave No One Behind*” , kertas dasar ini bertujuan untuk mencadangkan pendekatan yang lebih responsif, inklusif dan berasaskan keperluan komuniti dalam

usaha menambah baik penyampaian perlindungan sosial serta jaring keselamatan kewangan kepada golongan rentan di Sabah, bagi menjamin kebajikan sosial yang inklusif, berdaya tahan dan mampan.

PENILAIAN TERHADAP DASAR SEMASA

Proses penyediaan kertas laporan dasar kebajikan ini dilaksanakan melalui semakan dan penilaian terhadap dasar serta inisiatif sedia ada, disokong oleh input daripada Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (*Focus Group Discussion*, FGD) bersama pihak-pihak berkepentingan. Sesi perbincangan ini telah disertai oleh Ahli-ahli parlimen daripada blok kerajaan dan pembangkang, selaras dengan prinsip teras Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG), yang mengamalkan pendekatan dwipartisan, dengan menitikberatkan penyertaan wakil rakyat merentasi parti politik yang berbeza. Selain itu, sesi perbincangan turut melibatkan wakil daripada kementerian Kerajaan Persekutuan, agensi Kerajaan Sabah serta organisasi masyarakat sivil (*Civil Society Organisations* (CSO)).

Pelbagai dasar dan inisiatif kebajikan serta perlindungan sosial telah diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah bagi menangani isu kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha ini dilaksanakan melalui penglibatan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, dan komuniti setempat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar-dasar tersebut masih berdepan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan keberkesanan penyampaian kepada golongan sasar, khususnya masyarakat luar bandar dan komuniti rentan di Sabah.

Jadual 2. Dasar dan Inisiatif Kebajikan

	DASAR/INISATIF	CABARAN
1.	Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR): Inisiatif Perlindungan Sosial oleh PERKESO Kerajaan Negeri Sabah³ • Bagi tahun 2025, lebih 800 orang suri rumah dan individu bekerja sendiri di Sabah menerima perlindungan PERKESO secara percuma. • Bagi penyertaan berbayar, kadar caruman yang dikenakan adalah serendah RM10 sebulan atau RM120 setahun bagi suri rumah. • Risalah maklumat SKSSR turut diterbitkan dalam bahasa Kadazan bagi memastikan	• Skala peruntukan penerima yang terhad: Jumlah peruntukan yang melibatkan lebih kurang 800 orang suri rumah adalah jauh daripada mencukupi untuk menampung keseluruhan golongan sasaran di Sabah, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar dan pedalaman yang mempunyai keperluan perlindungan sosial yang lebih tinggi. • Tahap penyertaan sektor informal yang rendah: Kadar penyertaan dalam kalangan pekerja sektor informal masih rendah, dipengaruhi oleh keperluan

³ <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan-perkeso>

	DASAR/INISATIF	CABARAN
	penyampaian maklumat yang lebih inklusif dan mesra komuniti. Selain SKSSR, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) turut ditawarkan kepada golongan bekerja sendiri seperti usahawan mikro, petani, peniaga kecil, pemandu e-hailing dan penghantar makanan. Melalui skim ini, peserta hanya perlu mencarum serendah RM5.80 sebulan, selepas mengambil kira subsidi yang disediakan oleh kerajaan.	caruman tetap serta kefahaman yang terhad terhadap manfaat jangka masa panjang skim perlindungan sosial. Kekangan sosioekonomi dan status kewarganegaraan: Faktor kemiskinan, kerapuhan ekonomi isi rumah serta isu dokumentasi dan status kewarganegaraan telah menjadi penghalang utama kepada akses golongan rentan terhadap skim perlindungan sosial sedia ada. Tahap literasi sosial dan kesedaran yang rendah: Literasi perlindungan sosial dalam komuniti, khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman, masih berada pada tahap rendah, sekali

	DASAR/INISATIF	CABARAN
		gus menjejaskan keberkesanan penyampaian dasar dan kadar penyertaan penerima yang layak.
2.	Dasar Sosial Negara (2023–2030) ● Dasar ini dilaksanakan secara bersepadu dan bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk kerajaan, NGO, sektor swasta dan komuniti setempat. ● Pendekatan pelaksanaan adalah berasaskan data dan bukti, dengan memanfaatkan teknologi digital serta menekankan pendekatan inklusif dan responsif bagi memastikan semua golongan, khususnya kumpulan rentan, menerima manfaat secara adil, menyeluruh dan berkesan.	● Pendekatan berpusat dan seragam (<i>one-size-fits-all</i>) gagal mencerminkan realiti sosioekonomi Sabah yang unik. ● Cabaran sosioekonomi dan status kewarganegaraan dalam perlindungan sosial di Sabah.

	DASAR/INISATIF	CABARAN
3.	Pelbagai Skim Bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM menyediakan pelbagai skim bantuan sosial bagi menyokong kesejahteraan golongan sasar, termasuk Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), dan Bantuan Warga Emas. Skim-skim ini merangkumi sokongan berbentuk bantuan, latihan kemahiran, serta intervensi kebajikan lain, bertujuan memperkukuh kelangsungan hidup dan meningkatkan tahap kesejahteraan isi rumah yang memerlukan.	● Ketidakseimbangan infrastruktur sosial dan fizikal antara kawasan bandar dan luar bandar menjejaskan keberkesanan penyampaian bantuan. ● Cabaran sosioekonomi dan status kewarganegaraan dalam perlindungan sosial di Sabah.
4.	E-Kasih dan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (PADU) ● Sistem e-Kasih dan PADU merupakan pangkalan data bersepadu di peringkat nasional yang berfungsi untuk mengenal	

	DASAR/INISATIF	CABARAN
	pasti isi rumah berpendapatan rendah dan miskin. ● Ia menyokong kerajaan dalam menyalurkan bantuan sosial dan ekonomi secara lebih bersasar, tepat dan berasaskan data, bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan menerima sokongan yang sewajarnya.	
5.	Pelan Pemformalan Usahawan Informal (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi)⁴ Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif bagi menggalakkan pemformalan perniagaan dalam kalangan usahawan sektor informal.	● Pengaruh pengalaman lampau (<i>familiarity bias</i>) dan sikap terhadap risiko ● Kerumitan peraturan proses pendaftaran ● Tahap sokongan dan bantuan yang terhad

⁴ <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan->

	DASAR/INISATIF	CABARAN
6.	Pelaksanaan Skim Insurans Berkelompok⁵ ● Diperkenalkan oleh kerajaan Negeri Sabah ● Ia memberikan perlindungan insurans kemalangan secara percuma kepada rakyat Sabah sebagai salah satu usaha memperkukuh jaring keselamatan sosial.	● Tempoh pelaksanaan skim yang terhad kepada tiga tahun (1 Mei 2025 hingga 30 April 2028) menimbulkan persoalan terhadap kesinambungan dasar dalam jangka masa panjang. ● Mekanisme pemantauan prestasi pelaksanaan masih belum ditentukan.

⁵ <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan->

DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI-AHLI PARLIMEN

Pada 19 September 2025, satu sesi perbincangan meja bulat telah diadakan di Lintas Platinum Hotel, Kota Kinabalu, Sabah, dengan penyertaan wakil-wakil daripada pejabat Parlimen Sabah, kementerian, serta agensi berkaitan. Sesi ini memberi tumpuan kepada tema kebajikan dengan fokus khusus kepada usaha memperkasa perlindungan sosial di Sabah.

Antara isu utama yang dibincangkan termasuk cabaran geografi yang menjejaskan akses kepada perkhidmatan kebajikan, cabaran sosioekonomi dan kewarganegaraan yang mewujudkan jurang dalam perlindungan sosial, struktur caruman tetap yang menyukarkan penyertaan sektor tidak formal, tahap literasi sosial dan kesedaran yang masih rendah, serta keperluan kepada sistem data bersepadu untuk memperkukuh penyelarasan program bantuan dan pemantauan keberkesanan dasar.

Cabaran Geografi dalam Penyampaian Kebajikan di Sabah dan Sarawak

Berdasarkan hasil Perbincangan Fokus Bertema Kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak, dan Pulau-pulau Kecil) serta isu kebajikan yang dijalankan pada tahun 2024, didapati sistem pengumpulan data di Sabah berdepan kekangan ketara kerana belum melaksanakan pengelompokan atau analisis data mengikut pulau atau zon geografi khusus. Kekurangan ini menyebabkan ketepatan data menjadi terhad dan menyukarkan pengenalpastian keperluan sebenar di kawasan pedalaman dan pulau terpencil.

Akibatnya, perancangan dan penyampaian bantuan sosial kurang bersasar dan kurang responsif terhadap realiti di lapangan.

Selain itu, hasil perbincangan meja bulat tersebut turut mendapati bahawa pejabat JKM di Sabah berdepan cabaran yang lebih kompleks berbanding Semenanjung, berikutan keperluan untuk meliputi kawasan yang sangat luas termasuk pedalaman, pulau-pulau dan kawasan sukar diakses. Kekangan logistik seperti kebergantungan kepada pengangkutan sungai, jalan balak dan penerbangan kecil menjejaskan kecekapan pemantauan dan penyaluran bantuan.

Keadaan ini menyebabkan akses kepada perkhidmatan kebajikan di kawasan luar bandar dan terpencil menjadi tidak konsisten, sekali gus melebarkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar. Justeru, pelaksanaan perlindungan sosial di wilayah ini perlu mengambil kira realiti geografi setempat dan disokong melalui pendekatan lapangan yang lebih fleksibel, pendigitalan perkhidmatan serta kerjasama rentas agensi.

Gambar 1. Keadaan Jalan ke Kg Magandai, Kota Marudu



Sumber: Laporan Pemetaan Isu, Kota Marudu (2024)

Cabaran Sosioekonomi dan Kewarganegaraan dalam Perlindungan Sosial di Sabah

Di Sabah, faktor kemiskinan serta dominasi pekerjaan tidak tetap dalam sektor informal merupakan antara punca utama ketidakmampuan isi rumah untuk membina simpanan kewangan. Keadaan ini seterusnya melemahkan daya tahan masyarakat terhadap kejutan ekonomi dan sosial, termasuk peningkatan kos sara hidup, bencana alam dan krisis kesihatan awam. Ramai penduduk di Sabah, seperti nelayan, petani kecil, peniaga mikro, dan pekerja sambilan, bergantung kepada pendapatan harian daripada sektor tidak formal. Kebergantungan kepada sumber pendapatan yang tidak menentu ini meningkatkan kerentanan isi rumah dan risiko kebergantungan berterusan kepada bantuan kerajaan.

Pendekatan pelaksanaan dasar sosial dan ekonomi yang bersifat berpusat dan seragam (*one-size-fits-all*) didapati

kurang berkesan kerana gagal menyesuaikan dasar tersebut dengan realiti sosioekonomi Sabah yang unik. Negeri ini mempunyai ciri-ciri demografi, budaya, ekonomi, dan geografi yang berbeza berbanding negeri-negeri lain, termasuk kadar penduduk bukan warganegara yang tinggi, kewujudan kawasan pedalaman dan pulau terpencil, serta dominasi sektor ekonomi tidak formal.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Sabah merekodkan peratusan penduduk bukan warganegara tertinggi di Malaysia, iaitu hampir 30% daripada keseluruhan 3.742 juta penduduk negeri⁶. Fenomena ini membawa implikasi signifikan kepada aspek sosioekonomi dan pelaksanaan dasar perlindungan di Sabah.

Beberapa daerah yang mencatatkan kadar kemiskinan tinggi, seperti Kinabatangan dan Kalabakan, turut menunjukkan peratusan penduduk bukan warganegara yang melebihi penduduk warganegara, dengan kadar masing-masing mencecah 78% dan 67%.

Struktur demografi ini menimbulkan cabaran besar dalam usaha memperluas perlindungan sosial dan ekonomi, memandangkan kelompok bukan warganegara lazimnya tidak mempunyai akses penuh kepada bantuan kerajaan dan program kebajikan sedia ada. Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada jurang kemiskinan yang lebih ketara serta memperkukuh tahap kerentanan sosial di kawasan terlibat. Oleh itu, saiz populasi bukan warganegara

⁶ <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan->

yang signifikan di Sabah menuntut pendekatan dasar yang lebih fleksibel, bersasar dan berasaskan realiti tempatan bagi memastikan keberkesanan intervensi perlindungan sosial.

Struktur Caruman Tetap dan Penyertaan Sektor Informal

Struktur caruman PERKESO yang sedia ada didapati kurang selaras dengan realiti pekerjaan sektor informal yang mempunyai pendapatan tidak tetap dan berubah-ubah. Ketiadaan pilihan caruman yang lebih fleksibel, seperti caruman harian, mingguan, atau bermusim, menjadikan skim perlindungan sosial ini kurang menarik serta menyukarkan penyertaan secara konsisten dalam kalangan kumpulan ini.

Sebagai contoh, petani dan usahawan mikro lazimnya hanya memperoleh pendapatan pada musim menuai atau semasa hari pasar. Struktur caruman yang mensyaratkan pembayaran tetap dan berkala menyebabkan golongan ini perlu mencarum walaupun tiada pendapatan pada tempoh tertentu, sekali gus menjadi halangan utama kepada penyertaan berterusan dalam skim perlindungan sosial.

Tahap Literasi Sosial dan Kesedaran yang Rendah

Tahap literasi sosial yang rendah dalam kalangan komuniti rentan dan pekerja sektor informal di Sabah turut menjejaskan akses kepada skim perlindungan sosial dan bantuan kebajikan. Ramai dalam kalangan mereka tidak mengetahui hak dan prosedur permohonan bantuan akibat kekangan maklumat, perbezaan bahasa, tahap literasi asas yang rendah, serta saluran komunikasi yang kurang berkesan. Akibatnya, sebahagian golongan yang layak tercicir daripada sistem perlindungan sedia ada,

menjejaskan keberkesanan dasar sosial yang bersifat inklusif.

Selain itu, kesampaian maklumat yang lemah kekal sebagai cabaran utama, khususnya di kawasan pedalaman, pulau terpencil dan komuniti yang bergantung kepada sektor informal. Maklumat berkaitan skim bantuan, hak kebajikan dan saluran permohonan sering gagal sampai kepada kumpulan sasar disebabkan keterbatasan infrastruktur komunikasi, penggunaan saluran rasmi yang kurang mesra komuniti, serta jurang bahasa dan literasi. Keadaan ini menyebabkan ramai individu layak tidak menyedari kewujudan program bantuan dan seterusnya tercicir daripada menerima manfaat yang sewajarnya.

Keperluan kepada Sistem Data Bersepadu

Isu pengurusan data merupakan antara cabaran utama dalam usaha memperkukuh sistem perlindungan sosial di Sabah. Pada masa ini, data penerima bantuan masih berselerak merentasi pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), e-Kasih, PADU, PERKESO serta kerajaan negeri, tanpa wujudnya sistem data bersepadu yang menyeluruh.

Keadaan ini menyukarkan perkongsian maklumat, meningkatkan risiko sukar pertindihan bantuan, serta melemahkan keupayaan pemantauan keberkesanan dasar. Tambahan pula, perbezaan kriteria dan definisi kelayakan antara agensi telah mewujudkan ketidakselarasan dasar, sekali gus menyebabkan sebahagian golongan tercicir walaupun memenuhi syarat kelayakan. Di kawasan luar

bandar dan pedalaman Sabah, kelemahan capaian internet serta keterbatasan infrastruktur digital turut menjejaskan pengumpulan data yang tepat dan menyeluruh.

CADANGAN DASAR

Berdasarkan semakan dasar serta siri perbincangan yang telah dilaksanakan, beberapa cadangan dikemukakan bagi memastikan pembangunan di Sabah dapat dilaksanakan secara lebih adil dan inklusif, dengan sokongan kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan. Cadangan-cadangan ini dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bahagian ini.

Dapatan daripada perbincangan meja bulat menunjukkan bahawa antara isu utama ialah tahap kesedaran dan motivasi yang rendah dalam kalangan penerima bantuan untuk membina simpanan dan menyertai caruman perlindungan sosial. Sehubungan itu, objektif jangka masa pendek memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pelaksanaan dasar sedia ada serta memperkemas penyaluran maklumat bagi memperluas liputan program perlindungan sosial di Sabah.

Selain itu, beberapa mekanisme sokongan tambahan turut dicadangkan, termasuk penubuhan Kumpulan Sahabat Komuniti sebagai pengantara masyarakat dan agensi pelaksana, serta penubuhan Meja Bantuan Sosial Fokus Kes (*Case Support Desk*) di peringkat daerah bagi menangani permohonan bantuan luar kebiasaan secara lebih responsif dan bersasar.

Jadual 3. Cadangan Dasar/Inisiatf Kebajikan Jangka Masa Pendek

	CADANGAN PELAN JANGKA MASA PENDEK		AGENSI
1.	Kempen Kesedaran dan Pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS)	Pelaksanaan kempen kesedaran dan pendaftaran SKSPS secara turun padang di kawasan tumpuan sektor informal seperti pasar malam, jeti nelayan, kebun dan kampung air bagi meningkatkan penyertaan serta kefahaman terhadap perlindungan sosial.	Jabatan Kebajikn Masyarakat, PERKESO, Unit Outreach Negeri
		Kempen kesedaran perlu dilaksanakan menggunakan pendekatan mesra komuniti, dengan penyediaan bahan penerangan dalam bahasa tempatan serta penggunaan kaedah visual yang mudah difahami bagi meningkatkan kefahaman masyarakat. Inisiatif oleh ADUN Kapayan, Jannie Lasimbang, yang menghasilkan pek pengenalan dalam bahasa Kadazan, boleh dijadikan amalan baik dan diperluaskan ke bahasa-bahasa tempatan lain	Jabatan Kebajikan Masyarakat, PERKESO

	CADANGAN PELAN JANGKA MASA PENDEK		AGENSI
		bagi meningkatkan kadar penyertaan serta memperkukuh literasi sosial dalam kalangan komuniti setempat ⁷ .	
		Mewujudkan pusat pendaftaran bergerak melalui Unit Outreach bagi memperluas capaian perkhidmatan kepada komuniti sasaran.	
2	Penubuhan Kumpulan Sahabat Komuniti sebagai	Menyokong pelaksanaan program lapangan seperti kempen pendaftaran PERKESO, penyaluran bantuan kebajikan dan latihan kemahiran asas.	

⁷ <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan->

	CADANGAN PELAN JANGKA MASA PENDEK		AGENSI
	Pengantara Masyarakat	Memperkukuh jaringan sosial setempat melalui pengenaltastian kes berisiko tinggi (warga emas tinggal bersendirian, kanak-kanak tanpa dokumen dan OKU terpinggir) serta menghubungkan mereka dengan perkhidmatan sokongan yang bersesuaian.	
3.	Penubuhan Meja Bantuan Sosial Fokus Kes (<i>Case Support Desk</i>)	Menubuhkan Meja Bantuan Sosial Fokus Kes (<i>Case Support Desk</i>) di setiap daerah bagi menangani permohonan bantuan luar kebiasaan, termasuk kes melibatkan individu bukan warganegara atau situasi khusus yang tidak dapat diliputi skim sedia ada.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat,

	CADANGAN PELAN JANGKA MASA PENDEK		AGENSI
		Proses ini penting bagi mengisi jurang bantuan dalam kes-kes luar norma, seperti: i. Ibu bapa tunggal tanpa dokumentasi yang menjaga anak OKU; ii. Warga emas terlantar tanpa waris sah atau sokongan kewangan; iii. Kanak-kanak bukan warganegara dalam penjagaan penduduk tempatan.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS)
		Mengubal garis panduan penilaian kes (<i>social hardship assessment</i>) yang fleksibel dan berperikemanusiaan, serta melibatkan pegawai kebajikan, NGO tempatan dan ketua komuniti.	
		Mewujudkan tabung komuniti kolektif dengan sumbangan daripada komuniti, NGO, kerajaan dan sektor swasta bagi menyokong kes-kes tidak diliputi skim sedia ada.	

Pelan tindakan bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang memberi tumpuan kepada pengukuhan penguatkuasaan secara berterusan, penjaminan sumber pembiayaan yang mampan, serta pembentukan dasar perlindungan sosial di Sabah yang lebih inklusif. Pada masa yang sama, pelaksanaan dasar ini perlu diselaraskan dengan dasar nasional dan disokong oleh sistem maklumat yang lebih menyeluruh serta bersepadu.

Cadangan utama bagi jangka masa panjang ialah penubuhan Skim Caruman Sosial Penerima Bantuan (SCSPB). Skim ini dirancang sebagai satu mekanisme berstruktur yang membolehkan sebahagian kecil daripada bantuan kewangan yang diterima oleh golongan miskin tegar dan penerima bantuan kebajikan disalurkan secara automatik sebagai caruman perlindungan sosial. Melalui pendekatan ini, penerima bantuan bukan sahaja memperoleh sokongan kewangan jangka masa pendek, malah turut menikmati jaringan keselamatan sosial yang lebih kukuh bagi menghadapi risiko seperti kehilangan pendapatan, kemalangan dan masalah kesihatan.

Dalam jangka masa panjang, pelaksanaan SCSPB dijangka dapat mengurangkan kebergantungan sepenuhnya terhadap bantuan kerajaan, membudayakan amalan simpanan dan caruman dalam kalangan pekerja sektor tidak formal, serta memperkukuh daya tahan sosioekonomi masyarakat rentan di Sabah.

Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan dasar kebajikan dan perlindungan sosial lebih berkesan, keperluan kepada sistem maklumat bersepadu adalah amat penting. Sehubungan itu,

dicadangkan agar Dashboard Negeri Sabah yang dibangunkan bagi mengintegrasikan data daripada pelbagai agensi Persekutuan dan Negeri, termasuk JKM, e-Kasih/PADU, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), serta pihak berkuasa tempatan, bagi menyokong perancangan, pemantauan dan penyaluran bantuan yang lebih bersasar.

Jadual 4. Cadangan Dasar/Inisiatf Kebajikan Jangka Masa Sederhana dan Panjang

	PELAN TINDAKAN JANGKA MASA SEDERHANA DAN PANJANG		AGENSI/JABATAN
1	Skim Caruman Sosial Penerima Bantuan (SCSPB)	Integrasi bantuan kewangan dan simpanan / caruman melalui SCSPB, di mana sebahagian kecil bantuan akan dicarumkan secara automatik ke dalam skim keselamatan sosial bagi memastikan golongan rentan mempunyai perlindungan asas sekiranya berlaku kemalangan, kecacatan, atau kehilangan pendapatan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Malaysia
2	Integrasi Sistem Maklumat Agensi melalui Dashboard Negeri Sabah	Mewujudkan platform digital bersepadu bagi menyelaraskan dan memusatkan data berkaitan kumpulan rentan, program bantuan, status permohonan serta keberhasilan intervensi sosial.	Jabatan Perangkaan Malaysia,

	PELAN TINDAKAN JANGKA MASA SEDERHANA DAN PANJANG		AGENSI/JABATAN
		Dashboard ini boleh diakses oleh agensi kerajaan berkaitan serta pihak berkepentingan seperti NGO, dan institusi akademik sebagai alat pemantauan dasar perlindungan sosial secara bersepadu.	Kementerian Ekonomi
		Pembangunan peta interaktif berasaskan <i>geo-tag</i> bagi memaparkan taburan kumpulan rentan, kawasan tanpa liputan bantuan serta lokasi intervensi.	
		Mengelakkan pertindihan bantuan serta pembaziran sumber. Berfungsi sebagai rujukan utama dalam perancangan dasar sosial negeri berasaskan bukti (<i>evidence-based policy making</i>).	

	PELAN TINDAKAN JANGKA MASA SEDERHANA DAN PANJANG		AGENSI/JABATAN
3	Pembentukan Dana Perlindungan Sosial Negeri Sabah yang Mampan	Inisiatif strategik bagi memastikan kesinambungan pembiayaan program perlindungan sosial di negeri ini.	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah
4	Penginstitution Dasar Perlindungan Sosial di peringkat Wilayah Sabah	Berfungsi sebagai pelengkap kepada Dasar Sosial Negara, namun disesuaikan dengan konteks Sabah melalui pendekatan pelaksanaan yang berasaskan daerah.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia
		Mengambil kira realiti tempatan termasuk kadar kemiskinan tegar yang tinggi, kebergantungan kepada sektor tidak formal, populasi tanpa dokumentasi, struktur komuniti adat, serta cabaran geografi Sabah	
		Mewujudkan SOP serta mekanisme pemantauan prestasi bagi memastikan pelaksanaan setiap program perlindungan sosial di Sabah berjalan secara berkesan.	

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kertas polisi ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memperkukuh sistem perlindungan sosial yang lebih inklusif dan kontekstual di Sabah. Pendekatan ini menekankan keperluan untuk menyesuaikan dasar serta mekanisme sedia ada dengan realiti sosioekonomi negeri, khususnya bagi memastikan kumpulan rentan dan pekerja sektor tidak formal tidak terus terpinggir daripada akses perlindungan sosial.

Model dasar dan insitiatif sedia ada turut menjadi rujukan dan menyesuaikan pelaksanaan mengikut konteks Sabah yang unik, khususnya dari segi geografi, budaya dan struktur sosial. Tumpuan diberikan bukan sahaja kepada pengukuhan institusi dan penyelarasan data, malah turut merangkumi pemeraksanaan komuniti serta pembangunan kapasiti di peringkat akar umbi.

Lazimnya, dasar sedia ada masih bersifat umum dan belum sepenuhnya mencerminkan keperluan sebenar rakyat Sabah. Sehubungan itu, kertas polisi ini penting bagi mengetengahkan keperluan kepada pendekatan dasar yang lebih adil, bersasar dan berpaksikan realiti setempat.

Sehubungan dengan itu, secara ringkasnya, cadangan utama yang diketengahkan dalam penulisan ini merangkumi perkara-perkara tersebut:

1. Pelan tindakan jangka masa pendek memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan

tahap kesedaran dan motivasi yang rendah dalam kalangan penerima bantuan untuk membuat simpanan serta menyertai caruman perlindungan sosial. Inisiatif ini merangkumi pengukuhan sistem sokongan seperti komuniti seperti Kumpulan Sahabat Komuniti dan Meja Bantuan Sosial Fokus Kes, di samping pengenalan modul pendidikan kewangan asas serta sistem maklum balas komuniti bagi menambah baik penyampaian bantuan.

2. Pelan tindakan jangka masa sederhana dan panjang pula menekankan cadangan utama seperti penubuhan Skim Caruman Sosial Penerima Bantuan (SCSPB), yang membolehkan sebahagian kecil bantuan kewangan dicarumkan secara automatik ke dalam skim keselamatan sosial. Selain itu, pembangunan platform digital bersepadu turut dicadangkan bagi menyelaraskan dan memusatkan data sebagai rujukan utama perancangan dasar sosial negeri yang berasaskan bukti.
3. Bagi menyokong pelaksanaan inisiatif ini secara mampan, keperluan kepada penginstitutional dasar perlindungan sosial di peringkat negeri serta pembentukan Dana Perlindungan Sosial Negeri Sabah yang berdaya tahan adalah amat penting bagi menjaga kesinambungan program dalam jangka masa panjang.

BIBLIOGRAFI

All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG). (2020–2024). *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen: Wilayah Sabah*

Fang, Y. X., Gill, S. S., Kunasekaran, P., Rosnon, M. R., Talib, A. T., & Abd Aziz, A. (2022). Digital divide: An inquiry on the native communities of Sabah. *Societies*, 12(6), 148.

Adnan, W. A. (2024, 26 Oktober). *Laporan Statistik Jenayah Malaysia 2024: Kes jenayah di Sabah dan kebanjiran penduduk bukan warganegara harus diambil perhatian*. Sabah Media. <https://sabahmedia.com/2024/10/26/laporan-statistik-jenayah-malaysia-2024-kes-jenayah-di-sabah-dan-kebanjiran-penduduk-bukan-warganegara-harus-diambil-perhatian>

Azis, D. (2023, 13 Jun). *84 peratus rakyat Malaysia tiada simpanan bulanan*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/263187/berita/nasional/84-peratus-rakyat-malaysia-tiada-simpanan-bulanan>

Hasliza, H. (2020, 11 Disember). *Perlindungan sosial Malaysia berada pada paras minimum: Pakar*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlindungan-sosial-malaysia-berada-pada-paras-minimum-pakar-272727>

- Iskandar, I. (2024, 14 Mac). *Kadar miskin tegar di Sabah enam kali ganda berbanding nasional, Tongod daerah termiskin.* Astro Awani.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-miskin-tegar-di-sabah-enam-kali-ganda-berbanding-nasional-tongod-daerah-termiskin-462319>
- Sim, C. K. (2025, 31 Mei). *Lebih 800 suri rumah, individu di Sabah akan menerima perlindungan PERKESO.* Utusan Borneo Online.
<https://www.utusanborneo.com.my/2025/05/31/lebih-800-suri-rumah-individu-di-sabah-akan-menerima-perindungan-perkeso>
- Muhamad Tahir, N. S. (2025, 10 April). *Pelaksanaan Skim Insurans Berkelompok perlu diperinci – UMNO Sabah.* Sinar Harian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/722094/edisi/sabah-sarawak/pelaksanaan-skim-insurans-berkelompok-perlu-diperinci---umno-sabah>
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2023). *Pelan Pemformalan Usahawan Informal.*
<https://www.kuskop.gov.my/admin/files/med/image/portal/PDF/PELAN%20PEMFORMALAN%20USAHAWAN%20INFORMAL.pdf>
- Penduduk Magandai di Kota Marudu jalan kaki 4 jam hantar anak ke asrama sekolah.* (2026, 11 Januari). Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/0>

1/1495276/penduduk-magandai-di-kota-marudu-jalan-kaki-4-jam-hantar-anak-k

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (n.d.). *Laman utama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Diakses 1 Disember 2025, daripada <https://www.jkm.gov.my/>

Ramli, F. (2024, 19 November). Mendalami isu kemiskinan luar bandar, pedalaman Sabah. BERNAMA. <https://bernama.com/bm/news.php?id=236492>

Dalam konteks Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), perlindungan sosial merupakan asas kepada kesejahteraan rakyat dan pengurangan ketidaksamarataan, khususnya bagi kumpulan rentan seperti penduduk luar bandar, pekerja sektor tidak formal, wanita, warga emas, OKU, serta komuniti tanpa dokumentasi. Keperluan terhadap sistem perlindungan sosial yang berkesan di Sabah sangat mendesak berikutan kadar kemiskinan mutlak dan kemiskinan tegar yang kekal tertinggi di Malaysia, terutamanya di kawasan pedalaman dan luar bandar. Walaupun pelbagai skim telah diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri, tahap kesampaian dan keberkesanannya masih menimbulkan persoalan, khususnya dari segi keterangkuman dan kesesuaian dengan konteks tempatan. Sehubungan dengan itu, laporan dasar ini menilai keberkesanan sistem perlindungan sosial sedia ada, mengenal pasti jurang pelaksanaan dan cabaran utama, serta merangka cadangan dasar yang lebih inklusif. Pelan tindakan berperingkat yang dicadangkan merangkumi langkah jangka pendek, sederhana, dan panjang bagi memperkukuh sistem perlindungan sosial yang inklusif, responsif dan mampan di Sabah, selaras dengan SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 2 (Tiada Kelaparan), SDG 3 (Kesehatan Baik dan Kesejahteraan), SDG 8 (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan), SDG 16 (Institusi Kukuh) dan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat).



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari



A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.



secretariat@appgm-sdg.com



<https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

ISBN 978-629-7752-36-5



9 786297 752365